

Nelayan asing cuba sogok Maritim

Sinar Harian 30/5/2018 m/s 41

Dua bot disyaki klon tangkap ikan di perairan negara ditahan

RAJAH MOHD SAUSI

KEMAMAN

Dua bot yang disyaki bot klon milik nelayan warga asing bukan sahaja kantoi menangkap ikan secara haram di perairan negara malah tekong bot itu cuba merasuh pasukan menggeledah Agensi Penguatan kuasa Maritim Malaysia (Maritim) dengan wang tunai sebanyak RM8,000.

Dua bot nelayan yang masing-masing bermombor pendaftaran Pulau Pinang dan Johor itu ditahan pada jarak lebih kurang 62 batu nautika kira-kira jam 5.30 petang, Sabtu lalu.



Wang tunai berjumlah RM8,000 ini dihulur seorang tekong untuk menyogok pasukan menggeledah Maritim Malaysia.

Ketua Zon Maritim Kemaman, Lettenan Komander Maritim Mohamad Rezal Kamal Bashah berkata, hasil pemeriksaan ke atas kedua-dua bot tempatan itu mendapat terdapat 20 awak-awak termasuk dua tekong dipercayai warganegara Vietnam berumur antara 17 hingga 47 tahun.

"Setelah pemeriksaan dijalankan kita percaya kedua-dua bot itu

diklon untuk mengaburi mata pihak berkuasa dan menutupi kegiatan nelayan asing yang tidak memiliki pengenalan diri dan tidak memiliki permit menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan.

"Menyedari aktiviti mereka sudah terbongkar, tekong bot (bermombor pendaftaran Pulau Pinang) cuba memberi suapan sebanyak RM8,000 kepada pasukan meng-



Bot ini yang dipercayai diklon dibawa ke jeti Pangkalan Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

geledah kapal agar tindakan tidak diambil ke atas mereka," katanya pada sidang media di jeti Pangkalan Maritim Kemaman.

Katanya, cubaan menyogok itu bagaimanapun menyebabkan nelayan terbabit bakal berdepan hukuman yang lebih berat.

"Selain disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63, kes itu turut disiasat meng-

ikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009," katanya.

Katanya, tangkapan berkenaan membawa kepada rampasan bot, peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM2 juta termasuk 2 tan ikan pelbagai jenis dan 1.6 tan sotong kering.

Bot berserta tekong dan awak-awak yang ditahan dibawa ke jeti Maritim Kemaman untuk siasatan.